

**PEMBAHARUAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM  
DI MALAYSIA DAN INDONESIA :  
KAJIAN KES DUA BUAH SEKOLAH**

**Oleh**

**H. FAKHRUR ROZY. D**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan Ijazah Sarjana Sastera**

**Ogos 1994**

## **PENGAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

H. Fakhrur Rozy. D

28 April 1994

## **PENGHARGAAN**

Pengkaji ingin menyampaikan ucapan terima kasih setinggi-tingginya kepada penyelia yang telah meluangkan waktunya untuk memberi nasihat dan bimbingan sehingga tesis ini berhasil diselesaikan.

Ucapan terima kasih itu pengkaji tujukan kepada Prof. Madya Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor atas nasihat dan bimbingan tersebut, baik dalam proses pemberian gaya bahasa maupun penyusunan kajian ini secara keseluruhan sehingga tulisan ini boleh diselesaikan sebagaimana yang diinginkan. Ucapan terima kasih juga pengkaji tujukan kepada Prof. Madya Dr. Khadijah binti Zon sebagai penyelia bersama.

Kepada Pengarah dan Timbalan-Timbalan Pengarah Pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia dan Departemen Agama di Indonesia, serta Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia (USM) dan juga kepada Pengerusi, Pensyarah dan kakitangan akademik Bahagian Pengajian Islam, pengkaji mengucapkan terima kasih di atas pertolongan mereka dalam memudahkan proses pelaksanaan kajian-kajian yang dilakukan.

Pengkaji juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak berkuasa di Universiti Sains Malaysia dan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Sumatera Utara Medan berserta Dekan Fakultas atas kerjasama yang baik membolehkan pengkaji mengikuti pengajian pendidikan Islam selama empat semester. Mudah-mudahan kerjasama yang baik ini boleh dikembangkan ke arah suasana yang lebih akrab dan serasi dari kedua-dua institusi pengajian tinggi ini pada masa akan datang.

Ucapan terima kasih yang sama juga pengkaji sampaikan kepada pihak-pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Al Mashoor Pulau Pinang dan Madrasah Aliyah Negeri (MAN) Medan.

Pengkaji menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada Bapak H. Joharudin, SE sekeluarga atas bantuannya sehingga penyelidikan ini dapat diselesaikan.

Penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada isteri : Dra. Hj. Mardiana dan anak-anak tercinta : Hafni Hafsyah Rozy, M. Faisal Hidayat dan Elviana Rozy serta ibu bapa yang telah meninggal dunia. Semoga Allah SWT memberikan balasan pahala yang berlipat ganda atas pengorbanan dan bantuan yang telah mereka berikan.

Akhirul kalam, semoga hasil kajian ini memberikan manfa'at kepada pengkaji dan pihak-pihak lain yang memerlukan sebarang maklumat mengenai kajian ini.

H. Fakhrur Rozy D.

18 Zulkaedah 1414/28 April 1994

## **JADUAL KANDUNGAN**

**Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
JADUAL KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI LAMPIRAN	x
SISTEM TRANSLITERASI	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xvi

### **BAB 1: PENGENALAN**

1.1 Pendahuluán	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Signifikan Kajian	7
1.5 Objektif Penyelidikan	8
1.6 Persoalan Penyelidikan	9
1.7 Definisi Istilah	9
1.8 Objek Dan Sampel Kajian	14
1.9 Kaedah Penyelidikan	15
1.10 Teknik Analisis	17
1.11 Teknik Penulisan Laporan	18

## **BAB 2: KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM: SATU PERBINCANGAN UMUM**

2.1	Pendahuluan	19
2.2	Istilah Pendidikan Dalam Islam	19
2.3	Konsep Pendidikan Islam	25
2.4	Konsep Dasar Kurikulum	30
2.5	Peranan dan Fungsi Kurikulum	36
2.6	Organisasi Kurikulum	42
2.7	Asas dan Prinsip Pengembangan Kurikulum Pendidikan Islam	51
2.8	Pendekatan dan Prinsip Umum Kurikulum Pendidikan Islam	57
2.9	Prinsip Umum Kurikulum Pendidikan Islam	59
2.10	Ciri-ciri Kurikulum Pendidikan Islam	61
2.11	Kecenderungan Kurikulum Islam Masa Kini	63

## **BAB 3: PEMBAHARUAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA DAN INDONESIA**

3.1	Pendahuluan	68
3.2	Persoalan Pertama : Perkembangan Pendidikan Islam	68
3.2.1	Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia	73
3.2.2	Perkembangan Pendidikan Islam di Indonesia	78
3.3	Persoalan Kedua: Perbezaan dan Persamaan Pembaharuan Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia dan Indonesia	91

3.3.1 Sebab Pembaharuan Kurikulum	91
3.3.2 Arah Pembaharuan Kurikulum	157
3.3.3 Masalah Pembaharuan Kurikulum	166
3.3.4 Kesan Pembaharuan Kurikulum	173
<b>BAB 4: KESIMPULAN DAN SARANAN</b>	
4.1 Kesimpulan Masalah Pertama	179
4.2 Kesimpulan Masalah Kedua	180
4.3 Saranan	182
<b>BIBLIOGRAFI</b>	184
<b>LAMPIRAN-LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

<b>Nombor Jadual</b>	<b>Huraian</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>4.1</b>	<b>Struktur Kurikulum Sekolah Menengah Rendah (Aliran Agama)</b>	<b>97</b>
<b>4.2</b>	<b>Struktur Kurikulum Sekolah Menengah Atas</b>	<b>98</b>
<b>4.3</b>	<b>Struktur Kurikulum Sekolah Menengah (Aliran Sains)</b>	<b>99</b>
<b>4.4</b>	<b>Struktur Kurikulum Sekolah Menengah Atas (Aliran Pengajian Islam)</b>	<b>100</b>
<b>4.5</b>	<b>Struktur Kurikulum Sekolah Menengah Atas (Aliran Ilmu Sastera)</b>	<b>101</b>
<b>4.6</b>	<b>Taburan Serta Agihan Matapelajaran dan Guru 1994/5 (A)</b>	<b>102</b>
<b>4.7</b>	<b>Taburan Serta Agihan Matapelajaran dan Guru 1994/5 (B)</b>	<b>103</b>
<b>4.8</b>	<b>Kombinasi Matapelajaran Elektif Tingkatan 4 Sekolah Menengah kebangsaan Agama Al Mashhoor (L)</b>	<b>103</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Nombor Jadual</b>	<b>Huraian</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>4.9</b>	<b>Struktur Kurikulum Madrasah `Aliyah Tahun 1984 Pilihan A.1 (Ilmu-ilmu Agama)</b>	<b>135</b>
<b>4.10</b>	<b>Struktur Kurikulum Madrasah `Aliyah Tahun 1984 Pilihan A.2 (Ilmu-ilmu Fizik)</b>	<b>137</b>
<b>4.11</b>	<b>Struktur Kurikulum Madrasah `Aliyah · Tahun 1984 Pilihan A.3 (Ilmu-ilmu Biologi)</b>	<b>138</b>
<b>4.12</b>	<b>Struktur Kurikulum Madrasah `Aliyah Tahun 1984 Pilihan A.4 (Ilmu-ilmu Sosial)</b>	<b>139</b>
<b>4.9</b>	<b>Struktur Kurikulum Madrasah `Aliyah Tahun 1984 Pilihan A.1 (Ilmu-ilmu Budaya)</b>	<b>140</b>

## SENARAI LAMPIRAN

<b>Nombor Lampiran</b>	<b>Huraian</b>	<b>Muka Surat</b>
1	SENARAI TEMUBUAL	
2.	KEADAAN UMUM JUMLAH MADRASAH/ MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA PADA TAHUN AJARAN 1992/1993 DI MALAYSIA	
3	KEADAAN PERKEMBANGAN MADRASAH NEGERI TAHUN AJARAN 1992/1993 DI INDONESIA	
4	GARIS-GARIS BESAR PROGRAM PENGAJARAN	

Dalam menulis kata-kata berbahasa Arab telah dipakai sistem transliterasi dari Dewan Bahasa Dan Pustaka Malaysia.

Huruf Arab	Transliterasi
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	s
ض	d
ط	t

## Huruf Arab

## Transliterasi

گ	z
ڪ	c
ڇ	gh
ڻ	f
ڦ	q
ڻ	k
ڻ	l
ڻ	m
ڻ	n
ڻ	w
ڻ	h
ڻ	,
ڻ	y

## ABSTRAK

### **Pembaharuan Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia dan Indonesia: Kajian Kes Dua Buah Sekolah**

Cakupan kajian ini secara khususnya mengkaji model kurikulum yang diperbaharui oleh Lembaga Pendidikan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Madrasah Aliyah Negeri (MAN) dengan maksud mengenalpasti sistem dualistik dan dikotomi yang masih wujud hingga penghujung abad ini.

Objektif penyelidikan ini adalah:

- i. Mengkaji ciri-ciri perkembangan Madrasah, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Madrasah Aliyah Negeri (MAN) sebagai alternatif pembaharuan pendidikan Islam pada abad ke dua puluh.
- ii. Mengenalpasti perbezaan dan persamaan yang terdapat dalam pembaharuan kurikulum pendidikan Islam yang dilaksanakan di Malaysia dan Indonesia, khususnya pada penghujung abad ke dua puluh yang meliputi sebab, arah, masalah dan kesannya.

Daripada kajian ini, didapati bahawa terdapat kesamaan latar belakang yang berasaskan sejarah tentang peranan ulama dalam bidang pendidikan. Pendidikan bermula daripada pengajian Islam yang bertumpu di pondok/pesantren dan kemudian berubah menjadi madrasah. Di Malaysia keadaan pendidikan seperti ini telah bermula sejak dekad ketiga, abad kedua puluh sedangkan di Indonesia bermula pada dekad pertama abad yang sama. Di

Malaysia struktur program akademiknya lebih dominan iaitu 20 peratus untuk program agama dan 80 peratus program akademik, dibandingkan dengan 30 peratus pendidikan agama dan 70 peratus program akademik di Indonesia.

Daripada sudut pandangan epistemologi Islam dan orientasi kurikulum kepentingan negara diutamakan sementara pendidikan Islam kurang dititikberatkan. Orientasi kurikulum ini tidak digunakan melalui kaedah keagamaan terutamanya di Madrasah Aliyah Negeri (MAN) di Indonesia, bagaimanapun, keadaan menjadi lebih luar biasa di Malaysia terutamanya bila didapati guru bukan muslim mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).

Cita-cita pembaharuan dalam kurikulum di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) lahir daripada timbulnya rasa tidak puas hati masyarakat terhadap para lulusannya dan hal ini disedari oleh Menteri Pendidikan Malaysia, lalu beberapa sekolah agama di bawah kelolaan Majlis-majlis Agama Negeri dan sekolah agama rakyat diambil alih oleh kerajaan dan dijadikan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Sementara itu, di Indonesia keadaan seperti ini menjadi lebih nyata dengan kewujudan Departement Agama Republik Indonesia sejak Indonesia belum mencapai kemerdekaan lagi.

Didapati juga bahawa pentadbiran di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Madrasah Aliyah Negeri (MAN) masih sangat lemah. Sistem pembelajaran dan buku-buku yang digunakan, latarbelakang pengetahuan guru dan keupayaan pengetahuan pelajarnya masih terlalu rendah. Oleh itu dualisme dan dikotomi masih tetap ditemui.

Oleh itu perlu adanya keberanian dan wawasan yang jelas untuk menggunakan resolusi Persidangan Pendidikan Islam Sedunia yang telah berlangsung di Makkah pada tahun 1977, supaya objektif pendidikan Islam tercapai. Kerana itu, penelitian terhadap kajian ini perlu didalami lagi dengan melihat Asia sebagai sasarannya dan menjadikan Malaysia sebagai model pendidikan Islam bagi melayakkan para pelajar melanjutkan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, seperti Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

***ISLAMIC EDUCATION CURRICULUM REFORM  
IN MALAYSIA AND INDONESIA :  
CASE STUDY OF TWO SCHOOLS***

**ABSTRACT**

The scope of this study covers in particular the study on the revised curriculum of the National Secondary Religious Schools of Malaysia (SMKA) and the State Religious Secondary Schools of Indonesia (MAN) for the purpose of identifying dualistic and dichotomic systems which are still in existence toward the end of the century.

The objectives of this research are:

- i. To study the characteristics of the development of religious schools, *Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)* and *Madrasah Aliyah Negeri (MAN)* as the reformed alternatives of Islamic education during the twentieth century.
- ii. To identify the differences and similarities in the reformations of the Islamic educational curriculum that have been undertaken in Malaysia and Indonesia specifically towards the end of the twentieth century. This pertains to the causes, directions, problems and impacts of the reformations.

From this study, it is discovered that there is a similarity based on historical background, that is, the fact that there was involvement of Islamic scholars (ulama) and the role that they played in educational domain. Education started with Islamic education in religious schools (pondok/pesantren) which later became "madrasahs". In Malaysia this activity began ever since the third decade, of the twentieth century whereas in Indonesia it began in the first decade of the same century. The structure of academic programme seems more dominant in Malaysia, where 20 percent for Islamic Education and 80 percent for academic programme, compared to 30 percent for academic programme and 70 percent Islamic Education in Indonesia.

From Islamic epistemological point of view and its curriculum orientation, it is concluded that national priority comes first, while less consideration is given to the needs of Islamic education. The orientation of its curriculum has not been using a total religious methodology particularly MAN in Indonesia, however it is perhaps more peculiar to find non muslim teachers teaching in SMKA in Malaysia.

The aspiration for reforming the educational curriculum in SMKA came from members of the public who were not satisfied with its output and this eventually urged the Malaysian Ministry of Education to take over some of the State Secondary Religious Schools which previously had been under the administration of the State Islamic Religious Councils and The Islamic Private Schools to become SMKA. Meanwhile in Indonesia, this change became more obvious with the establishment of the Department of Religious Affairs, Republic of Indonesia, even prior to independence.

It is also discovered that administration of SMKA and MAN still falls short of expectations. The system and the books used, the background of the

teachers' knowledge and the qualificaton of students are not yet satisfactory. Therefore dualistic and dichotomic systems are still going on.

Therefore, courage as well as a clear vision are needed to make use of the resolutions of the World Conference on Muslim Education which was held at Makkah in 1977, so that the objectives of Islamic education would be achieved. Thus a further careful study of the matter should be encouraged, by seeing Asia as its target and by taking Malaysia as a model of Islamic education to enable the students to continue their study in the International Islamic University (IIU).

# BAB I

## PENGENALAN

### 1.1 PENDAHULUAN

Dalam Bab I ini, penulis cuba menjelaskan latar belakang keadaan pendidikan Islam di Malaysia dan Indonesia yang berlaku pada penghujung abad ini. Selanjutnya diuraikan pula permasalahan yang asas dalam pendidikan Islam tersebut iaitu : kualiti dan profesionalisme guru, pencapaian belajar yang diperoleh pelajarnya dan sukatan pelajaran atau kurikulum yang digunakan. Merujuk permasalahan asas yang dimaksudkan akan diuraikan signifikan masalah yang diikuti denganuraian objektif penyelidikan dan persoalan penyelidikan. Untuk mengelakkan daripada sebarang kesalahan erti dan makna diuraikan definisi istilah dan pada penghujung Bab ini dijelaskan pula kaedah penyelidikan.

### 1.2 LATAR BELAKANG

Secara khusus, hasil kajian terhadap perkembangan atau fenomena pendidikan Islam di Malaysia ada ditemui dalam “Pendidikan Dualistik di kalangan orang-orang Melayu” oleh Khadijah binti Zon yang membandingkan matlamat, falsafah serta masalah-masalah intrinsik dalam pendidikan tahun 1988. Diungkapkannya mengenai percapanan antara dua sistem persekolahan dalam situasi pendidikan dualistik di Malaysia bahawa masalah-masalah intrinsiknya menggugat orang Melayu yang beragama Islam dari segi akidah, amalan dan pandangan dunia (*world view*). Situasi pendidikan dualistik yang memberikan pilihan memperoleh pendidikan melalui pondok, sekolah kebangsaan dan madrasah bagi orang Melayu justru menyebabkan terjadinya sekularisasi pemikiran orang Melayu moden yang seterusnya turut memperluntur nilai-nilai agama dalam masyarakat Melayu (Khadijah binti Zon, 1988: 403).

Kajian mengenai situasi dualistik di Indonesia diketengahkan oleh Karel A. Stenbrink (1974) dalam bukunya bertajuk “Pesantren Madrasah dan Sekolah”. Ia mengungkapkan bahawa perubahan bentuk dan kandungan pendidikan Islam di Indonesia terlepas daripada tuntutan perkembangan zaman yang dihadapinya. Pesantren, madrasah dan sekolah yang ditinjau secara historik dari zaman kolonial Belanda hingga zaman kemerdekaan Indonesia menunjukkan bahawa meskipun kehadiran madrasah adalah sebagai alternatif tumpuan pendidikan tradisional dan sekolah, namun kesan dualistik pendidikan Islam di Indonesia tidaklah hilang sama sekali.

Dengan menggunakan sejumlah kajian, para pakar pendidikan Islam dan sejarah cuba melakukan perbandingan antara sistem pendidikan Islam yang diterapkan di madrasah agama di Malaysia dengan yang diterapkan di Indonesia.

Pada awal abad ke-20 suatu gerakan Islam yang masuk dari Timur Tengah sudah mulai bergerak dan meluas di Asia dan India. Gerakan ini diilhami oleh dua tokoh Islam terkenal, Sayyid Jamal al-Din al-Afghani (1839-1897) dan Mohammad ‘Abduh (1894-1905). Penyambung lidah kedua tokoh ini di Semenanjung Tanah Melayu ialah Syaikh Tahir Jalal al-Din al-Falaki (Sobri Salamon dan Haron Din, 1988: 19). Demikian pula di Indonesia, gerakan Islam dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan budaya serta dalam bidang pendidikan mulai berkembang dan dikenal sebagai kebangkitan, pembaharuan ataupun pencerahan (*renaissance*) (Stenbrink, 1986: 43).

Dalam perspektif ke masa hadapan, menurut Anwar Ibrahim, upaya merumuskan dan menentukan falsafah pendidikan di Malaysia selain mengikat diri dengan faktor sejarah dan ketuanan bangsa bagi menjamin kesinambungan yang berterusan, maka gagasan wawasan yang harus dikembangkan haruslah asli, sesuai dengan iklim politik, ekonomi dan sosial tempatan. Faktor-faktor tersebut menurutnya sebagai idea pendorong bagi mengambil kebijaksanaan

reformasi pendidikan di Malaysia (Anwar Ibrahim 1989: 63-64). Hal ini bermaksud bahawa faktor keadaan sosial, politik dan ekonomi secara serentak turut menjadi pertimbangan dalam setiap pembaharuan pendidikan, khususnya pembaharuan kurikulum pendidikan Islam di setiap negara.

Pada masa ini di negara Malaysia dan Indonesia, muncul kesedaran umat Islam bahawa kebangkitan Islam harus diisi dengan reformasi pendidikan Islam yang memenuhi panggilan inspirasi al-Qur'an dan mampu menjawab cabaran zaman. Pemikiran ini tentulah mempengaruhi hala pembaharuan pendidikan Islam yang dilaksanakan di kedua-dua negara.

Langkah dasar pembaharuan kurikulum pendidikan Islam di sekolah-sekolah agama atau madrasah-madrasah di Malaysia dan di Indonesia merupakan dorongan semangat hendak kembali kepada nilai-nilai agama yang dilaksanakan secara murni dalam menyahut cabaran zaman. Transformasi nilai-nilai kultural dan spiritual Islam dalam norma masyarakat dapat dilakukan hanya melalui kurikulum pendidikan yang relevan, fundamental dan fungsional.

Pendidikan Islam dituntut untuk mampu mempersiap masyarakat muslim moden di kedua-dua negara, yang dalam hal ini madrasah merupakan agen sosialisasi nilai-nilai kultural dan spiritual yang dimaksudkan. Kerana itu perlu diselidik arah zaman moden pada penghujung abad ke-20 ini serta relevansinya dengan dunia pendidikan Islam. Nurcholis Madjid. ( 1990: 2 ) menyatakan iaitu:

- (i) Perubahan struktur masyarakat telah menimbulkan pergeseran hirarki nilai.
- (ii) Agama sebagai sistem simbolik memerlukan reformulasi dan reinterpretasi dalam bentuk yang bersesuaian dengan proses transformasi masyarakat.

- (iii) Setiap agama perlu mempersiap diri dalam bidang dialog kultural bagi menghadapi cabaran abad ke-21.
- (iv) Pendidikan yang mempertimbangkan unsur-unsur spiritual, kultural dan material boleh menjadi media transformasi masyarakat ke tingkat yang lebih maju.

Dengan demikian permbaharuan kurikulum pendidikan di madrasah haruslah mempertimbangkan faktor keseimbangan dalam unsur-unsur spiritual, kultural dan material agar madrasah dapat menghadapi tuntutan transformasi masyarakat muslim moden pada abad dua puluh satu. Semua itu satu jangkaan perhatian kalangan pakar pendidikan Islam sehingga pembaharuan kurikulum pendidikan sangat diperlukan.

Ada lima tuntutan pendidikan yang progresif bagi negara-negara muslim dalam rangka melakukan reformasi pendidikan (Ja'far Shah Idris, 1988: 39-40), iaitu seperti berikut:

- (i) Perencanaan pendidikan hendaknya mampu menanggapi tuntutan jangka panjang dari setiap negara Islam, yang mana rencana ekonomi dan sosial sebagaimana juga tenaga kerja perlu dipertimbangkan.
- (ii) Pemerataan peluang pendidikan di semua tingkatan bagi seluruh penduduk demi keadilan sosial.
- (iii) Pendidikan dasar universal sebagai syarat bagi lahirnya warga negara yang baik.
- (iv) Pengembangan pendidikan menengah dan tinggi sesuai dengan rencana pembangunan dan persyaratan tenaga kerja masing-masing negara.

- (v) Menentukan prioriti pembangunan pendidikan seperti jumlah versus mutu, kurikulum produktif versus kurikulum tradisional, teknologi pendidikan daripada dunia yang selalu berubah, minat peribadi versus kepentingan masyarakat, pendidikan umum versus pendidikan liberal.

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Pada prinsipnya permasalahan yang mendasari operasionalisasi kurikulum pendidikan Islam, baik di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Madrasah Aliyah Negeri (MAN), cenderung dilihat dalam konteks: kualiti dan profesionalisme guru, prestasi belajar dan sukan pelajaran. Hal ini sangat berkaitan dengan keadaan kedua institusi pendidikan Islam ini yang terus menghadapi pelbagai perubahan dalam menyedari aspirasi masyarakat dan bangsa guna mencapai kemajuan masa kini. Sikap kreatif dan profesional guru dituntut untuk mampu menyahuti pengembangan kurikulum pendidikan yang dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Madrasah Aliyah Negeri (MAN) di kedua-dua negara ini sebagai langkah penyelesaian masalah dikotomi pengetahuan yang masih ditemui dalam sukan pelajaran. Kerana itu, kualiti guru, fleksibiliti kurikulum dan prestasi belajar penuntut masih menjadi perhatian serius dalam menganalisis pembaharuan kurikulum pendidikan Islam.

Dalam praktik pendidikan hari ini masih terlihat bahawa dualisme pendidikan masih terlaku sejak peringkat pengajian rendah sampai tingkat universiti. Beberapa perkara asas yang berkaitan dengan perkembangan kurikulum, latihan keguruan, bangunan dan lain-lain tetap mengekalkan tradisi asing. Sekolah-sekolah agama pun turut terjebak dalam sikap sekularisme. Kemasukan subjek-subjek yang dikategorikan sebagai “akademik”, akhirnya membezakan yang ini agama dan yang ini bukan agama (Muh. Nur Manutu, 1984: 51).

Oleh sebab itu, pembaharuan kurikulum sekolah/madrasah merupakan cabaran masa kini. Masalah yang bersifat teknikal operasional pada pokoknya sangat rapat berdampingan dengan masalah prinsip dan falsafah untuk pembaharuan kurikulum pendidikan di kedua negara ini. Sebagai akibat pertentangan dan terpecahnya pilihan dalam asas pendidikan umat Islam timbul kesan bahawa praktik pendidikan masih kurang menghayati semangat pendidikan Islam iaitu:

- (i) Nilai pendidikan kini pada semua peringkat formal, dan tidak formal masih terlalu minimum, bahkan keupayaan kaedahnya untuk memungkinkan pelajar mencapai taraf kecintaan hakiki kepada Allah amat diragui.
- (ii) Kecintaan kepada negara dan individu masih terlalu dititikberatkan.
- (iii) Guru-guru tidak berfungsi sebagai pendidik (*murabbi*), hanya berfungsi sebagai pengajar, kerana dorongan upah hidup.
- (iv) Matlamat keseronokan hidup (*hedonisme*) menjadi tumpuan utama.
- (v) Pola-pola dualisme sistem agama dan bukan agama melahirkan dua orientasi pemikiran yang berbeza, sedangkan kedua-duanya wajib berada dalam satu kesatuan (Muh. Nur Manutu, 1984: 54).

Beberapa masalah yang terdapat dalam pengembangan kurikulum pendidikan Islam yang dijumpai di Indonesia, khasnya yang diterapkan kepada madrasah-madrasah nampaknya masih banyak. Masalah itu antaranya ialah kurang efektifnya pendidikan agama dan bahasa Arab jika lulusannya dijadikan masukan mahasiswa Institut Agama Islam Negeri (IAIN), di samping kekurangan kualiti bagi input mahasiswa universiti umum, lemahnya tenaga pengelola program pendidikan di madrasah yang kurang berorientasi kepada profesionalisme (M. Arifin, 1992: 110).

Secara terperinci boleh dikatakan bahawa masalah pendidikan Islam dalam pengembangan madrasah agama yang berkaitan dengan tekanan program yang padat dan tidak seimbang dengan peruntukan waktu belajar penuntut, kualiti tenaga pendidik, kualiti lulusan yang masih rendah dan profesionalisme guru yang rendah dalam pengembangan kurikulum. Bahkan masalah sarana dan kemudahan yang kurang kondusif terutama di madrasah swasta yang menjangkau daerah luar bandar.

Namun dalam skala yang luas, sebagai akibat pengaruh sistem pendidikan Barat yang sekular, maka sistem pendidikan Islam terpecah menjadi: pesantren, sekolah dan madrasah. Setiap institusi memiliki orientasi yang tidak saling memadu. Sistem pesantren berorientasi kepada tujuan institusionalnya, iaitu melahirkan ahli agama. Orientasi madrasah menjadi penguasaan ilmu-ilmu umum sebagai tujuan sekunder atau minornya sahaja. Sementara sekolah pula berdiri kukuh di atas tujuan institusionalnya iaitu memberi keutamaan kepada penguasaan ilmu-ilmu umum sedangkan agama menjadi tujuan sekunder sahaja (Yusuf A. Faisal, 1983: 3).

Jelas sekali bahawa pengembangan sistem pendidikan Islam, di kedua-dua negara Indonesia dan Malaysia, masih bercorak dualistik. Untuk mengetahui akibat lebih jauhnya perlulah ditinjau secara objektif pada pembaharuan kurikulum pendidikan Islam di madrasah.

#### 1.4 SIGNIFIKAN KAJIAN

Sehingga kini belum ada kajian yang membandingkan sistem pendidikan Islam di Malaysia dengan sistem pendidikan Islam di Indonesia, khususnya yang diarahkan terhadap pembaharuan kurikulum. Keinginan untuk meneliti pembaharuan kurikulum Islam yang difokuskan terhadap madrasah dan sekolah menengah agama, dilhami oleh dua buku yang mengungkapkan kedudukan

Islam di Asia Tenggara. Buku yang pertama membicarakan Prospektif sejarah diterbitkan pada tahun 1989 sedangkan buku yang kedua membicarakan perkembangan kontemporari diterbitkan pada tahun 1990. Kedua-dua buku ini disunting oleh Ahmad Ibrahim et, al.

Kedua dua buku tersebut membincangkan latar belakang sejarah, kebudayaan, politik dan perubahan bangsa-bangsa di Asia Tenggara termasuk Malaysia dan Indonesia yang menjadi objek kajian penyelidikan ini.

Kajian ini akan dapat memperkembang lagi idea-idea yang diutarakan dalam kedua buku tersebut yang berhubung dengan wawasan pemikiran Islam, khasnya dalm bidang pendidikan Islam.

Adanya kajian ini akan ditemukan faktor-faktor yang melatarbelakangi sifat dualistik pendidikan Islam di Malaysia dan di Indonesia, ciri-ciri perkembangan madrasah sebagai bentuk integrasi sistem pondok/pesantren dan sistem sekular/persekolahan. Masalah utama kajian ini bermuara kepada format kurikulum pendidikan Islam yang ada di madrasah atau di sekolah agama di kedua-dua negara. Sekaligus diketengahkan peluang-peluang ke arah sistem pendidikan Islam bersepada di Malaysia dan di Indonesia serta cabaran-cabaran yang kemudian terjadi dalam mewujudkan sistem pendidikan Islam yang ideal di kedua-dua negara.

## 1.5   **OBJEKTIF PENYELIDIKAN**

Penyelidikan ini secara umum bertujuan mengkaji masalah yang berkenaan dengan pembaharuan kurikulum pendidikan Islam di Malaysia dan di Indonesia. Secara khusus pula ia akan mengkaji hal-hal berikut:

- (i) Ciri-ciri perkembangan madrasah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Madrasah Aliah Negeri (MAN) sebagai alternatif pembaharuan pendidikan Islam pada abad kedua puluh.
- (ii) Perbezaan dan persamaan yang dijumpai dalam pembaharuan kurikulum pendidikan Islam yang dilaksanakan di Malaysia dan di Indonesia, khususnya pada penghujung abad kedua puluh yang meliputi sebab arah, masalah dan kesan pembaharuan kurikulum pendidikan yang dimaksudkan.

## 1.6 PERSOALAN PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini cuba mencari jawapan kepada soalan-soalan berikut:

- (i) Apakah ciri-ciri perkembangan SMKA dan MAN sebagai alternatif pembaharuan pendidikan Islam pada abad kedua puluh sudah memenuhi harapan umat Islam?
- (ii) Apakah perbezaan dan persamaan sebab, arah, masalah dan kesan pembaharuan kurikulum pendidikan pada SMKA di Malaysia dan MAN di Indonesia?

## 1.7 DEFINISI ISTILAH

Dalam bahagian ini dijelaskan peristilahan yang digunakan untuk menghindari kesalahan erti atau makna.

### 1.7.1 Pendidikan Islam

Pendidikan Islam bererti proses mendidik akhlak dan jiwa pelajar, menanamkan rasa fadhilah (keutamaan), membiasakan mereka dengan

kesopanan yang tinggi, mempersiap mereka untuk mencapai kehidupan yang suci seluruhnya dengan akhlak yang jujur (al-Abrashi, 1975: 1).

Hakikat pendidikan Islam ialah kombinasi antara pendidikan jasmani, akal, akidah, perasaan, keindahan dan kemasyarakatan “ (Abu al-'Ainaini, 1980: 167).

Definisi lain membawa erti bahawa pendidikan Islam ialah penyatuan pendidikan jiwa, pembersihan ruh, pencerdasan akal, penguatan jasmani, yang juga mencakup pendidikan agama, akhlak, ilmiah dan jasmani “ (Al-Ahwani, 1968: 9).

Pendidikan Islam meliputi tiga tujuan yakni: “tujuan fizikal (*Ahdaf jismiyah*), tujuan rohaniah (*Ahdaf ruhiyyah*) dan tujuan mental (*Ahdaf 'aqliyyah*)” (Abdul Rahman Saleh, tt: 119). Selanjutnya tujuan tertinggi pendidikan Islam ialah persiapan untuk kehidupan dunia dan akhirat (Al-Shaibani, 1975: 292).

Maka di sini dapat disimpulkan bahawa pendidikan Islam ialah bimbingan terhadap seluruh potensi (fitrah) anak dalam proses pembentukan kepribadian total manusia yang seimbang lagi menyeluruh dalam aspek-aspek jasmani, akal, ruh, akhlak, akidah dan keindahan serta kemasyarakatan untuk kebaikan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Sebelum dipaparkan konsep pendidikan Islam, terlebih dahulu dikemukakan ruang lingkup pendidikan Islam dan konsep ilmu bersepadu (*integrated knowledge*). Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa ruang lingkup pendidikan Islam mencakup seluruh isi kandungan al Qur'an. Pada hakekatnya al Qur'an berurus dengan segenap persepsi manusia, kewujudan manusia, tugas dan tujuan hidup manusia, tabii manusia (*human nature*), tabii

alam semesta, termasuk masalah-masalah rohaniah, jasmaniah dan aspek kebendaan dari alam dan manusia.

Pada hakikatnya inti daripada ajaran al-Qur'an ialah doktrin tauhid di mana dalam proses pendidikan Islam doktrin itu diterapkan dalam setiap kegiatan pembelajaran sama ada dalam bentuk tulisan maupun lisan. Maka dapatlah ditarik kesimpulan bahawa pendidikan Islam secara bersepadu berkisar pada perkara-perkara berikut:

- (i) Allah Tuhan Maha Esa selaku Pencipta Yang maha Kuasa dan Pengatur yang menentukan peraturan hidup manusia;
- (ii) Manusia selaku Hamba dan Khalifah;
- (iii) Jasmani dan kejiwaan;
- (iv) Keperluan individu dan kelompok;
- (v) Esoterik (batin) dan Eksoterik (zahir);
- (vi) Alam nyata dan alam gaib;
- (vii) Al Din dan urusan dunia;
- (viii) Akal dan wahyu;
- (ix) Fikiran dan Amalan;
- (x) Pengetahuan dan Zikr;
- (xi) Fakta dan Nilai;
- (xii) Pengalaman Inderawi dan Pengalaman Rohani;
- (xiii) Pengamatan dan Intuisi;
- (xiv) Akhlak dan Perundangan;
- (xv) Kebebasan manusia dan tanggungjawab Allah.

### **1.7.2 Konsep Ilmu Bersepadu**

Menurut Kamal Hasan (1987), konsep ilmu bersepadu bertitik tolak daripada konsepsi tentang manusia, iaitu manusia dilihat sebagai kesatuan

rohani jasmani dalam kekuatan rohani yang dijelmakan dalam kesedaran diri berupa iman dan takwa menjadi prinsip asas yang mempengaruhi seluruh gerak-geri manusia. Ditegaskan bahawa:

“Dengan berlandaskan manusia selaku hamba dan khalifah Allah yang mempunyai kesatuan fizikal-rohani dalam mana aspek iman dan takwa menjadi prinsip teras yang mempengaruhi pertumbuhannya dan tingkah lakunya, terbinalah ilmu pengetahuan yang bersepadu.” Kamal Hasan ( 1987: 307 )

Maka sesuai dengan hakikat manusia sebagai yang termaksud di atas, ilmu pengetahuan terdiri daripada dua unsur berikut:

- (i) Ilmu yang diwahyukan
- (ii) Ilmu yang diperoleh melalui pemikiran panca indera, pengalaman dan ujikaji.

Dalam penyepaduan itu, ilmu kelompok pertama iaitu ilmu yang diperolehi melalui wahyu menjadi teras bagi perkembangan ilmu pengetahuan seluruhnya. Pembahasan tentang ilmu bersepadu berkait rapat dengan pendidikan bagi tujuan membentuk insan dalam mana faktor insaniah atau akhlak diberi keutamaan dan pendidikan moral bagi pelajar bukan Islam diserapkan secara terancang dalam pendidikan intelektual, fizikal, teknologikal, teknikal dan profesional. Mata pelajaran pendidikan Islam bagi anak-anak Muslim dan pendidikan moral bagi anak-anak bukan Islam di sekolah-sekolah dan lembaga-lembaga pendidikan dan pengajaran seluruhnya menjadi sangat penting bertujuan untuk membina masyarakat yang bertakwa, berdisiplin dan progressif.

Selain itu ia menekankan pembangunan insan seutuhnya berupa manusia yang berperibadi unggul yang dipengaruhi iman dan taqwa. Pembangunan insan yang terjelma dalam bentuk moral yang tinggi itu diharap akan dapat menyelamatkan bidang-bidang sosial, ekonomi serta politik daripada krisis moral

yang gawat. Pendekatan ilmu bersepadu menanggapi segala sumber alam dan sumber manusia sebagai amanah yang mesti diolah, dibangun dan dikembangkan mengikut kehendak Penciptanya serta Pemilik sebenar kepada segala yang wujud, untuk kesejahteraan diri dan kemanusiaan seluruhnya. Pendeknya ilmu bersepadu ini bertujuan untuk melahirkan individu dan kelompok masyarakat yang berakhlak mulia.

Secara ringkas prinsip pendidikan Islam yang bertitik tolak daripada konsep ilmu bersepadu itu ialah seperti berikut:

- (i) ilmu pengetahuan mestilah berpaksikan tauhid
- (ii) memahami penciptaan manusia
- (iii) memahami sumber ilmu
- (iv) memahami martabat ilmu
- (v) pengisian ilmu yang bertujuan membina tiga fakulti manusia iaitu akal, roh dan jasad (Kamal Hasan, 1987: 308).

Pendidikan bersepadu dalam Islam juga merupakan memorandum persidangan muslim sedunia sebagaimana dikemukakan oleh Hasan Langgulung (1986: 206), seperti berikut:

“Education should aim at the balance growth of the total personality of Man through the training of Man’s spirit, intellect, the rational self, feeling and bodily sense. Education should therefore cater for the growth of man in all aspects; spiritual, intellectual, imaginative, physical, scientific, linguistic, both individually and collectively and motivate all these aspects toward goodness and the attainment of perfection of complete submission to Allah on the level of individual, the community and humanity at large”.

Dari petikan di atas jelas kelihatan bahawa ilmu pengetahuan yang mampu membawa manusia kepada kesejahteraan individu dan kelompok adalah

bertitik tolak daripada konsepsi tentang manusia yang menyeluruh serta lengkap (*integrated*).

### 1.7.3 Pembaharuan Kurikulum

Istilah “pembaharuan” sama ertiannya dengan perubahan secara baru, yang dalam bahasa inggeris disebut *innovation* (Echols dan Shadily, 1967: 323).

Sedangkan *innovation* dalam konsep yang luas diertikan sebagai suatu gagasan atau fikiran yang dilaksanakan untuk mencapai sasaran baru yang kualitatif dan telah dilaksanakan seseorang (Rogers, 1983: 11).

Jadi pembaharuan kurikulum pendidikan ialah upaya pemberian dan penyempurnaan kurikulum pendidikan yang secara kualitatif lebih baik daripada yang digunakan sebelumnya untuk mencapai tujuan pendidikan Islam secara lebih efektif dan efisyen.

Pembaharuan kurikulum pendidikan Islam di sini merupakan kesungguhan untuk mengubahsuaikan atau menyesuaikan tujuan kurikulum itu dengan tujuan ideal pendidikan Islam dan cabaran-cabaran pendidikan yang dihadapi pada zaman kini dan pada masa depan.

## 1.8 OBJEK DAN SAMPEL KAJIAN

Objek kajian ini adalah madrasah atau sekolah agama yang dikelola oleh pemerintah di kedua negara Malaysia dan Indonesia, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia sejumlah 37 sekolah dan Madrasah Aliyah Negeri (MAN) di Indonesia sebanyak 393 sekolah. Manakala masalah yang diselidiki adalah mengenai pembaharuan kurikulumnya.

Oleh sebab objek dalam penyelidikan ini banyak maka dilakukan pensampelan dalam menentukan objek penyelidikan. Keadaan objek kajian secara faktual adalah homogen kerana diatur dengan satu peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan masing-masing. Oleh yang demikian sampel yang ditetapkan adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Al Mashoor (L) Pulau Pinang dan Madrasah Aliyah Negeri (MAN) Medan.

## **1.9 KAEDAH PENYELIDIKAN**

Untuk mendapatkan data dalam penyelidikan ini digunakan sumber data primer dan data sekunder. Hal ini dimaksudkan untuk menjamin objektiviti dan kesahihan daripada suatu kerja ilmiah, untuk itu penelitian ini menggunakan metod historik.

Penelitian ini juga menggunakan kajian dokumentasi dengan mengumpulkan data melalui peninggalan tertulis, terutama berupa arkib-arkib termasuk juga buku-buku yang berkaitan dengan penubuhan SMKA dan MAN, buku kurikulumnya, kaedah dan pedoman pelaksanaan pengajaran, serta buku-buku yang menjadi sumber penulisan sejarah kemunculan madrasah di kedua-dua negara.

Untuk mendapatkan bahan sejarah mahupun bahan dokumentasi digunakan metod wawancara dan pengamatan. Metod wawancara ini dilakukan secara terbuka dengan berbicara langsung dengan pihak-pihak yang terlibat dan penanggungjawab, sama ada pada peringkat pusat mahupun para pengelola sekolah. Dari hasil wawancara akan dimuatkan dalam pembahasan dan sekaligus akan dianalisis pada Bab IV dan V. Hasil wawancara yang dirasakan kurang objektif serta untuk menyakinkan kesahihan wawancara akan dilakukan observasi untuk menghindari penyimpangan daripada hasil laporan penyelidikan

itu. Selanjutnya hasil wawancara dan pengamatan akan dimuatkan dalam Bab IV dan V.

Bagi menyempurnakan lagi kekurangan data dalam analisis ini akan dilakukan analisis yang lebih mendalam terhadap beberapa soalan temuan penyelidikan untuk kesahihan data.

Untuk mencapai objektif dan menjawab sejumlah persoalan yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini dipergunakan kaedah penyelidikan yang berikut:

1.9.1 Kajian ini diawali dengan pemeriksaan naskhah kepustakaan yang membincangkan konsep pendidikan Islam dan kurikulum dan selanjutnya menelaah konsep al-Qu'ran dan al sunnah untuk seterusnya penyelidik berusaha merumuskan konsep dasar kurikulum pendidikan Islam.

1.9.2 Kajian terhadap dokumen dengan mempelajari Kurikulum, sukatan pelajaran dan garis-garis besar program pengajaran, buku-buku dan kitab-kitab yang diajarkan serta peraturan/perundangan-undangan yang berkaitan dengan berbagai-bagai usaha pengembangan pendidikan Islam di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan di Madrasah-madrasah Aliah Negeri. Hasil kajian ini nanti diberikan dan kemudian dianalisis.

1.9.3 Kajian lapangan untuk melihat, mengetahui dan menyerapkan secara langsung pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam. Untuk mendapatkan data diperlukan alat pengumpul data berikut:

- (i) Wawancara, dilakukan dengan pihak-pihak berkuasa pelaksana pendidikan di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Madrasah-madrasah Aliah Negeri untuk mendapatkan gambaran jelas tentang pelaksanaan kurikulum, kandungan pelajaran, alat bantu yang

digunakan, objektif, sukanan pelajaran yang terhurai dalam proses belajar mengajar.

- (ii) Kajian lapangan bersifat melihat dan mengetahui secara terbabit langsung iaitu penyelidik berperanan sebagai peserta dalam pelaksanaan kurikulum itu (participant's observation). Data wawancara dan penerapan ini dianalisis secara objektif sebagaimana adanya.

## 1.10 TEKNIK ANALISIS

Selepas semua data terkumpul dengan menggunakan metod-metod di atas, diolah dan dianalisis menggunakan metod seperti berikut:

- (i) Metod induktif
- (ii) Metod deduktif
- (iii) Metod komparatif

Metod induktif yang dimaksudkan ialah satu cara menganalisis data melalui pola berfikir dalam pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang bersifat am. Penggunaan metod ini dalam tesis dapat dilihat dalam Bab I hingga ke Bab IV. Dalam Bab I dijelaskan latar belakang masalah, digunakan metod induktif dengan memaparkan huraian-huraian yang berkaitan dengan pernyataan masalah, signifikan masalah, objek penyelidikan, persoalan penyelidikan, definisi istilah, kaedah penyelidikan, objek dan sampel kajian, alat pengumpulan data, teknik analisis dan teknik penulisan laporan.

Selanjutnya dalam Bab II, dihuraikan tinjauan kepustakaan yang merujuk kepada pendapat para pakar mengenai pendidikan Islam, kurikulum dan sebagainya.

Bab III mengandungi laporan dan analisis data menggunakan metod induktif dan terlebih dahulu menjelaskan kedatangan Islam ke tanah Melayu, sejarah lahirnya Madrasah, institusi pendidikan Islam sama ada di Indonesia atau di Malaysia. Daripada laporan dan analisis ini penyelidik membuat kesimpulan yang bersifat am setelah terlebih dahulu dibuat kesimpulan untuk negara masing-masing.

Bab IV berisikan kesimpulan daripada jawapan terhadap dua persoalan yang menjadi kajian utama mengenai perkembangan pendidikan Islam dan pembaharuan kurikulum pendidikan Islam di Malaysia dan di Indonesia. Fokus kajjiannya yang diarahkan pada kurikulum SMKA dan MAN di kedua-dua negara. Selanjutnya dilengkapi dengan saranan yang dianggap muktamad bagi pihak-pihak yang berkaitan dengan pemberian penyusunan, pelaksanaan dan pengembangan kurikulum pendidikan Islam pada SMKA dan MAN yang ada di Malaysia dan Indonesia.

## 1.11 TEKNIK PENULISAN LAPORAN

Analisis laporan tesis ini, menggunakan metod komparatif. Dengan membandingkan persamaan dan perbezaan SMKA dan MAN tersebut, pada akhirnya boleh ditarik kesimpulan, dan dalam bahagian tertentu, dapat diakui bahawa sekali-sekala pemisahan secara tegas antara ketiga metod tersebut tidak dapat dihindari. Walau bagaimanapun dalam huraian Bab III dan Bab IV penggunaan metod komparatif lebih diambil kira daripada metod induktif dan metod deduktif.

## BAB II

# KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM: SATU PERBINCANGAN UMUM

### 2.1 PENDAHULUAN

Kandungan bab ini merupakan huraian pendapat para pakar mengenai pendidikan Islam, kurikulum dan kecenderungan kurikulum pendidikan Islam masa kini yang berkaitan dengan penyelidikan ini.

### 2.2 ISITILAH PENDIDIKAN DALAM ISLAM

Dalam hasil persidangan Pendidikan Muslim Sedunia yang pertama pada tahun 1977 di Makkah, telah disarankan agar penggunaan istilah pendidikan dalam Islam mencakup keseluruhan pengertian sebagaimana yang terkandung dalam isitilah-istilah : *al-tarbiyah*, *al-ta'lim* dan *al-ta'dib* (The Conference Book, 1977: 15).

Daripada ketiga-tiga istilah yang tersebut di atas, maka yang paling popular penggunaannya dalam melaksanakan pendidikan Islam bagi masyarakat muslim sekarang ini ialah istilah *tarbiyah*, kemudian barulah istilah *ta'lim*. Sedangkan istilah *ta'dib* dalam kenyataannya sangat jarang digunakan. Daripada segi sejarahnya *ta'lim* dan *ta'dib* telah digunakan sejak awal pertumbuhan pendidikan Islam (Ahmad Shalabi, 1954: 21-23). Sedangkan istilah *tarbiyah* baru dikenali dan popular penggunaannya oleh para pakar pendidikan Islam sejak dimulakan gerakan pembaharuan dalam Islam pada abad ke 17 M (Muhd. Munir Munshi, 1977: 17).

Beberapa pakar memberikan penjelasan khusus mengenai penggunaan istilah-istilah yang dikaitkan dengan makna pendidikan Islam dengan membuat

dihuraikan sebagai berikut:

### 2.2.1 *Tarbiyah*

Istilah *tarbiyah* berasal daripada kata *rabb*. Walaupun kata itu mempunyai banyak erti, tetapi pengertian dasarnya menunjukkan makna “tumbuh dan berkembang” (Ibrahim Anis, 1972: 321). Jadi secara popular istilah tarbiyah digunakan untuk menyatakan tentang usaha pendidikan dalam menumbuh-kembangkan seluruh keupayaan pelajar agar benar-benar menjadi manusia yang beragama dan berbudaya. (Dja‘far Siddik, 1988: 100).

Dalam penjelasan lain dapat dilihat bahawa, *tarbiyah-* berasal daripada tiga kata, iaitu: pertama, kata *rabba-yarbu* yang bererti bertambah, bercambah, (terdapat pada surah al-rum ayat 39), kedua, *Rabbiya-yarba*, bererti menjadi besar, ketiga kata *rabba-yarabu*, yang bererti memperbaik, menguasai, menuntun, memelihara (Al-Nahlawi, 1989: 31).

Dapat pula dikemukakan bahawa kata *rabb* yang terdapat dalam surah al-Fatiyah ayat 2 (الحمد لله رب العالمين ), mempunyai kandungan makna yang berkonotasi dengan istilah *tarbiyah*, kerana kata *rabb* (Tuhan) dan *murabbi* (pendidik) berasal daripada akar kata yang sama. Berdasarkan ini maka Allah S.W.T. ialah “Pendidik Yang Maha Agung” bagi seluruh alam semesta (Al-Shaibani, 1975: 41).

Secara falsafah, hal ini mengisyaratkan bahawa pendidikan Islam bersumber pada pendidikan yang diberikan oleh Allah S.W.T, sebagai Pendidik Maha Agung bagi seluruh makhluk ciptaan-Nya, termasuk umat manusia.

Selanjutnya daripada pengertian itu, pendidikan Islam (*tarbiyah*) mengandungi empat unsur : (1) menjaga dan memelihara fitrah anak menjelang dewasa (*baligh*). (2) mengembangkan seluruh keupayaan. (3) mengarahkan seluruh fitrah dan keupayaan menuju kesempurnaan. (4) dilaksanakan secara bertahap, (Al-Nahlawi 1989: 32).

Penggunaan istilah *tarbiyah* untuk pendidikan dikuatkan lagi oleh pernyataan ayat al-Qu’ran, surah al-Isra’ ayat 24, yang ertiannya : katakanlah; “Wahai Tuhan kasihilah mereka keduanya (ibu dan bapaku), sebagaimana mereka berdua telah mendidikku sewaktu kecil”.

Demikianlah, antara lain alasan-alasan yang dikemukakan oleh sesetengah orang, yang menggunakan istilah *tarbiyah* untuk pengertian pendidikan Islam. Namun demikian istilah itu memang tidak cukup bagi menyatakan pengertian pendidikan Islam, kerana terbukti bahawa beberapa pakar merasa perlu menambahkan kata *ta’lim* di belakang kata *tarbiyah* untuk menyatakan pengertian pendidikan Islam sehingga kata-kata itu digabungkan menjadi *al-tarbiyah wa al-ta’lim*. Tentu penggunaan itu tidak menjadi masalah, kerana dapat diterima sebagai penyempurnaan makna yang sesungguhnya bagi istilah pendidikan Islam.

### **2.2.2 *Ta’lim***

Istilah *ta’lim* sudah digunakan sejak zaman awal pendidikan yang diberikan dalam dunia Islam. Daripada pendapat yang masih digunakan diungkapkan bahawa proses *ta’lim* lebih universal daripada proses *tarbiyah*. Hal demikian kerana ketika mengajarkan tilawat 1 Qur'an kepada kaum Muslimin Rasulullah S.A.W., bukan hanya mahukan mereka dapat membaca, tetapi dapat membaca dengan teliti, pemahaman, pengertian, tanggungjawab dan amanah. Dengan membaca, Rasul membawa mereka kepada *tazkiyah* (pensucian) diri

*al-hikmah* serta mempelajar segala yang bermanfaat bagi mereka dan yang tidak diketahui mereka (Abdul Fattah Jalal, 1988: 27).

Pendapat Jalal di atas berdasarkan kepada ayat 151 surah al-Baqarah yang menyatakan seperti berikut:

كما أرسلنا فيكم رسولاً منكم يتلوه عليكم  
آياتنا ويزكيكم ويعلمكم الكتب والحكمة  
ويعلمكم مالهم تكونوا تعلمون .

... sebagaimana Kami telah mengutus kepada kalian Rasul antara kalian yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kalian dan mensucikan kalian dan mengajakan kepada kalian al-kitab dan al-hikmah serta mengajarkan kepada kalian apa-apa yang belum kalian ketahui (Departemen Agama RI, 1986: 38).

Kemudian Abdul Fattah Jalal (1988: 29-30) juga menyatakan:

Penggunaan istilah *ta'lim* dalam pengertian pendidikan Islam tidak berhenti pada pengetahuan yang lahiriyah dan tidak hanya sampai pada pengetahuan taklid sahaja, *ta'lim* mencakup pula pengetahuan teoritis, mengulang kaji secara lisan dan menyuruh melaksanakan pengetahuan itu, sekaligus mencakup aspek-aspek pengetahuan lainnya serta keterampilan yang diperlukan dalam kehidupan dan pedoman perilaku.

Oleh itu kecenderungan Abdul Fatah Jalal di atas adalah untuk memahamkan bahawa manusia yang pertama mendapat pendidikan dan

oleh al-Qu'ran di dalam surah al Baqarah ayat 31, seperti berikut:

وَعَلِمَ آدَمُ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَىٰ  
الْمَلَائِكَةِ فَقَالُوا إِنَّبِنِي بِاسْمَاءِ هُولَاءِ إِنَّ  
كُنْتُمْ صَادِقِينَ.

Dan Dia (Allah) mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada Malaikat lalu berfirman : Sebutkanlah kepada-Ku nama-nama itu, jika kamu memang orang yang benar (Departemen Agama RI 1986: 14).

Pendapat di atas menggunakan kata '*allama* (sekar dengan kata *ta'lim*) untuk memberikan pengajaran kepada Adam a.s. Disebabkan pembelajaran inilah, Adam a.s. mempunyai nilai lebih yang tidak dimiliki oleh para malaikat. Di sini jelas bahawa kebesaran umat Islam harus dipenuhi oleh penguasaan ilmu pengetahuan dan kekhilafahan yang sempurna yang ada dalam diri Ilmuwan yang muttaqin.

### 2.2.3 *Ta'dib*

Di samping istilah *ta'lim* dan *tarbiyah* yang digubah untuk mengungkapkan pengertian pendidikan Islam berdasarkan pentafsiran wahyu, istilah lain untuk mengungkapkan pengertian pendidikan ialah *ta'dib*, yang merupakan masdar kata kerja *addaba* (Naquib al-Attas, 1984: 60).

Daripada kata *addaba* diturunkan juga kata *adabatun* yang bererti pengenalan dan pengakuan tentang hakikat bahawa pengetahuan serta wujud bersifat teratur secara herarki, sesuai dengan tingkat dan darjat seseorang dalam

mahupun rohaniah seseorang (Naquib al-Attas, 1984: 63).

Mengikut kajian Naquib al-Attas istilah *tarbiyah* yang sekarang ini popular digunakan adalah merupakan istilah yang terlalu luas. Oleh itu kata *tarbiyah* yang bermakna pengasuhan, pemeliharaan dan kasih sayang bukan sahaja ditujukan untuk mendidik manusia namun digunakan untuk melatih atau memelihara binatang ternak. Pada hal, pendidikan yang dimaksudkan mestilah dikhaskan terhadap sesuatu yang bersifat manusiawi iaitu untuk memanusiakan manusia.

Secara jelas beliau juga menyatakan bahawa penggunaan istilah *tarbiyah* untuk pengertian pendidikan tidak mempunyai akar yang kuat dalam khazanah bahasa Arab. Istilah ini timbul dalam dunia Islam merupakan terjemahan bahasa Latin *educati*, atau daripada bahasa inggeris *education*. Menurut konsep Barat yang sekular, ia lebih cenderung mengutamakan aspek fizikal dan material. Kalau pun dalam istilah Barat itu dijumpai juga makna pembinaan moral dan intelektual, tetapi sumbernya bukanlah wahyu, melainkan hasil spekulasi ahli falsafah etika yang diterapkan berdasarkan ideologi materialisme dan sekularisme.

Istilah *ta'dib*, lebih tepat digunakan kerana tidak terlalu sempit dan ditujukan hanya untuk manusia sahaja. Konsep yang dikembangkan tidak termasuk dalam pengertian melatih atau memelihara haiwan. Dalam istilah *ta'dib* sudah tercakup ilmu dan amal sekaligus, terpadu dalam keutuhan keperibadian seorang muslim. Hujahan yang digunakan oleh al-Attas ialah hadith Nabi S.A.W. : ﴿اَدْبُنِي رَبِّي فَاحْسِنْ تَادِبِي﴾ (Tuhanku telah mendidikku dan dengan demikian menjadikan pendidikanku yang terbaik.)